

# → MUKA SEPULUH

Minda Pengarang

## Tabik Adib wira padam 'api kebencian'

P emerian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim, 24, di Institut Jantung Negara (IJN) kelmarin sebenarnya kematian untuk mempertahankan keamanan negara. Allahyarham bertarung nyawa lebih tiga minggu selepas parah dipukul pada malam kedua insiden rusuhan di Kuil Sri Mahamariamman, Subang Jaya, Selangor pada 27 November lalu. Muhammad Adib dan pasukannya dengan berani memasuki kawasan berkenaan untuk memadamkan kebakaran kenderaan, tindakan yang boleh dibarati untuk 'memadam api kebencian' yang menjadi punca pergaduhan kumpulan penjenayah dengan pengikut agama Hindu. Seluruh negara ini, tanpa mengira kaum dan peringkat umur, daripada rakyat biasa kepada pemimpin dan pihak istana, bersedia serta bersimpatis dengan apa yang menimpakan Muhammad Adib dan pasukannya. Namun, jangan pulak ada pihak yang cuba menyatakan baris kebencian agama dan mengapai-apikan kemarahan orang ramai. Sejak pagi semalam, ada kejadian ahli politik yang nampaknya agak keras dan cuba menangguk di air keruh bagi mendapatkan semula sokongan terhadap parti mereka dengan memanipulasi rusuhan di kuil berkenaan dan kematian Muhammad Adib. Beberapa individu pulak menularkan 'posting' berkaitan isu berkenaan di media sosial hingga mendorong ulasan berbaur perkauman.

Perbuatan provokasi begini mestilah dihentikan sama sekali kerana semua pihak patut mengambil ikhtiar dirripada apa yang sudah berlaku. Kita tidak mahu timbulkan lagi kejadian jenayah yang boleh dikaitkan dengan perkauman. Cukuplah satu nyawa yang terkorban. Bila pihak berkusa menjalankan siasatan rapi, mengambil tindakan susulan dan mengeluarkan kenyataan rasmi yang sudah tentu daripada maklumat yang sahih. Polis sudah pun menurunkan klasifikasi siasatan kes ini daripada cubaan membunuh kepada membunuhan. Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun memaklumkan kematian Muhammad Adib kini disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keselamatan. Kita percaya pihak berkusa akan menjalankan siasatan dengan cara terbaik dan mengheret mereka yang terbabit ke muka pengadilan. Mahkamah akan menentukan nasib terbabit. Jangan ada lagi kumpulan atau individu yang cuba membangkitkan sensitiviti kaum atau agama. Mungkin ada juga kewajaran kepada cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (PSD) bagi menyiasat unsur jenayah yang membawa kepada kematian Muhammad Adib dan kejadian rusuhan di Kuil Sri Mahamariamman. Kita percaya kerajaan akan meneliti semua cadangan dan membuat keputusan yang bijak.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri dalam Kerayatan Khas di Dewan Rakyat tiga hari selepas rusuhan menjelaskan, kejadian itu ialah perbuatan jenayah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, bukan membabitkan isu perkauman mahupun pertelingkahan agama. Perdana Menteri menegaskan mereka yang menjadi dalang atau cuba mengambil kesempatan akan berdepan dengan tindakan undang-undang kerana insiden seperti itu boleh membawa kepada masalah yang lebih besar membabitkan ketenteraman kaum. Keselamatan dan kestabilan negara ialah tanggungjawab bersama. Negara kita tanggungjawab kita. Ucapan takziah buat keluarga Muhammad Adib. Al-Fatiha. Adib, tenanglah di sana!

### Sidang redaksi

Ketua Pengarang NSTP  
**Dato' Yushalimi Yahaya**  
yushem@inst.com.my

Pengarang Eksekutif Kanan Integrasi NSTP  
**Saldon Idris**  
saldon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Berita Harian  
**Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman**  
madzaini@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-226787 Faks: 03 20567081  
Laman Web: www.bharan.com.my E-mel: bhrencana@bh.com.my

# Bangkit Melayu, Bumiputera jadi lebih terhormat



**Prof Emeritus Datuk  
Dr Ibrahim Komoo**

Foto Fonydik Uthra, Institut Alan Sokizar dan Pemimpinan (IESTRI), UTM & Prof Kunjungan GEOTROPIC-UTM

**S**elepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), Malaysia melalui pelbagai ketidaktentuan dan perubahan di luar batas kebiasaan. Siapa yang menduga seorang negarawan berusia 93 tahun diangkat semula menjadi Perdana Menteri tertua di dunia.

Pada peringkat kepemimpinan Persekutuan dan negeri pula, ramai generasi muda yang belum puas mencuek usia 30 tahun diangkat menjadi menteri, timbalan menteri dan EXCO kerajaan negeri. Perluhatan fenomena tabii. Perubahan drastik, kadangkala membawa harapan dan kemajuan baharu, tetapi boleh juga mengundang bencana di luar batasan.

Sebagai seorang warga yang mengamalkan budaya Melayu, beragama Islam dan mengabdi diri untuk membangun negara tercinta Malaysia, penulis terpangi untuk mengupas satu aliran baharu yang amat bahaya melanda bangsa Melayu seakan-akan kehilangan punca, bercakarau merebut kuasa dan menjatuhkan antara satu sama lain.

### Jamin perpaduan

Kita sedia maklum, Tanah Melayu penduduk asalnya berbangsa Melayu, di Sabah dan Sarawak pula dihuni oleh Bumiputera. Apabila kita mencapai kemerdekaan dan bergabung menjadi Malaysia. Perkembangan Persekutuan telah menentukan falsafah dan tadul urus negara serta warganya.

Secara semangatnya, warga ketika itu telah memutuskan beberapa ketetapan penting menjaga kepentingan bangsa Melayu dan Bumiputera bagi membolehkan negara terus berkembang.

bang pesat, perpaduan terjamin dan kesejahteraan dikecapai.

Bangsa Melayu, walaupun setelah 61 tahun dipimpin oleh kepemimpinan berteraskan Melayu, masih berasa terugat, seakan-akan terpinggir dan dipinggirkan di tanah air sendiri. Ibu utama ialah berkaitan keluatan ekonomi yang masih terletak pada tangan warga berbangsa bukan Melayu. Kerajaan ketika itu masih kehilangan selesa untuk menjaga kepentingan Melayu atas alasan kekuatan politik masih pada tangan mereka.

Himpunan 812, iaitu perkumpulan bangsa Melayu terbesar memperlukan pendirian tegar tidak menerima ratifikasi Konvensyen Antara-bangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) walaupun kerajaan telah mengiyuh tidak akan mefakurnya, tanda jelas aliran baharu mengenai kesinjangan sebuah bangsa majoriti yang mulai tertekan dan bangkit untuk berjuang mengungguli sebangsa negara berbilang kaum.

### Pulihara budaya, tradisi dan jati diri bangsa Melayu

Sejarah dan pengalaman sendiri menunjukkan ada bangsa unggul diberi oleh warga dunia kerana ketiautan menjaga kepentingan bangsanya sehingga sanggup memindas bangsa lam. Pada masa sama, wujud banyak bangsa hebat yang sememangnya unggul dan bertamadun tinggi, tetapi masih dihormati dan dikagumi ramai. Mengapa?

Bagi bangsa Melayu, anda bebas memilih apa sahaja parti politik, sama ada UMNO, PAS, Parti Rakyat Bersatu Malaysia (BERSATU), Parti Amanah Negara (AMANAH) atau PKR jika percaya kepada kepemimpinan dan wawasannya. Begitu pun, keperluan berparti dan kepentingan memulihara budaya, tradisi dan jati diri bangsa Melayu ialah dua perkara berbeza.

Sebuah yang mengaku berbangsa Melayu perlu mempunyai akatan persaudaraan dan nilai sepunya yang jelas. Perhatian diberikan kepada membina budaya dan tradisi sebuah bangsa terhormat, berkejuuan ilmu dan ekonomi, berakhlaik mulia dan berpegang kepada budaya bangsa. Menghormati antara satu sama lain, dan tidak mengaibkan saudaranya di khalayak ramai.

→ Lihat Ms. 11